

**INDIVIDU TIDAK SESUAI DIVAKSIN COVID-19 JENIS COMIRNATY**



Individu mempunyai **sejarah alahan/ alergi yang serius** (contoh anafilaksis) terhadap **makanan, ubat dan persekitaran** sehingga memerlukan **rawatan hospital**



Individu mengalami **alahan atau alergi** serius selepas **menerima dos pertama**



Individu menjalani **transplan organ** atau **sel stem darah** dalam **masa tiga bulan** sebelum divaksinasi



Individu menjalani **rawatan kanser** seperti **kemoterapi, radioterapi, imunoterapi**



Individu **menghidap HIV** dengan **sel darah putih CD4 <200 cells/mL**



Ibu **mengandung** atau **merancang** untuk **hamil**



Individu sedang **demam** disebabkan **jangkitan virus** atau **bakteria**



Individu menerima **rawatan antibodi monoclonal** atau **plasma darah** sebagai **rawatan** untuk **Covid-19** dalam **tiga bulan** sebelum divaksinasi



Individu mempunyai **sel darah platelet yang rendah** (**<50,000 per microliter**)

# Ibu **mengandung** tunggu dahulu

*Wanita menyusukan anak juga disaran tangguh pengambilan vaksin untuk elak kesan sampingan*

**Kuala Lumpur**

**W**anita mengandung serta yang menyusukan anak disaran menangguhkan pengambilan vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech bagi mengelak sebarang kesan sampingan yang mungkin wujud.

Pensyarah Perubatan Mikrobiologi Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Niazlin Mohd Taib berkata, ini kerana buat masa ini belum ada bukti klinikal untuk menyokong penggunaan vaksin itu dalam kalangan golongan berkenaan.

"Ibu mengandung tidak boleh mengambil vaksin yang menggunakan *live virus* dan kalau ikutkan vaksin Pfizer-BioNTech ini tidak menggunakan *live virus*, tetapi ia menggunakan *messenger ribonucleic acid* (mRNA).

"Jadi sepatutnya tiada masalah ibu mengandung dan yang menyusukan bayi mengambil vaksin tersebut memandangkan ia mRNA.

"Namun kerana tiada data lagi termasuk daripada Pfizer sendiri, maka kalau bo-



*PEG sebenarnya diguna pakai dalam kehidupan seharian seperti dalam pengawet makanan dan minuman serta kadang-kadang ada dalam krim untuk kulit*

**Dr Niazlin**

leh tunggu dahulu," katanya dalam program Koresponden yang disiarkan secara langsung menerusi Bernama TV di sini, semalam.

Mengenai alahan yang mungkin wujud pada mereka yang menerima suntikan vaksin Covid-19, beliau berkata, orang ramai tidak usah kluatir jika tidak mempunyai apa-apa alahan terhadap kandungan di dalam vaksin tersebut.

Beliau berkata, vaksin Pfizer-BioNTech, selain mRNA sebagai kandungan aktif utama, ia juga mempunyai pelbagai bahan kimia yang tidak aktif termasuklah *polyethylene glycol* (PEG) yang

berkemungkinan menyebabkan alahan.

"PEG sebenarnya diguna pakai dalam kehidupan seharian seperti dalam pengawet makanan dan minuman serta kadang-kadang ada dalam krim untuk kulit.

"Apa yang penting, kita sendiri tahu apakah alahan kita terhadap makanan ataupun ubat-ubatan, dan maklumkan kepada pegawai kesihatan ketika hendak mendapatkan suntikan vaksin tersebut," katanya.

Niazlin berkata, mereka yang mempunyai alahan tetap boleh mengambil suntikan tersebut dengan langkah berjaga-jaga, malah ada pekerja bahagian kecemasan bersedia untuk bertindak dengan segera sekiranya berlaku alahan.

Pada masa sama, katanya, mereka yang pernah mendapat alahan teruk terhadap vaksin sebelum ini tidak digalakkan mengambil suntikan tersebut, malah mereka yang mempunyai imuniti rendah termasuk melalui kemoterapi, dikecualikan daripada mengambil vaksin berkenaan. - Bernama